

PM: Dasar Pandang ke Timur diteruskan

UM 29 AUG 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 28 Ogos — Dasar Pandang ke Timur yang genap 20 tahun pelaksanaannya tahun ini tidak akan dihapuskan kerana kerajaan yakin ia akan terus memacu pembangunan Malaysia sehingga mencapai tahap negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun pendekatan untuk pelaksanaan dasar itu mungkin dikaji semula bagi mengenal pasti dan menangani sebarang kelemahan yang ada.

"Kini selepas 20 tahun dasar itu diperkenalkan banyak pihak mempersoalkan sama ada kita masih memandangkan ke Timur.

"Jawabnya ya! Kita masih memandangkan ke Timur bagi mempelajari kesilapan dan kelebihan mereka (Jepun dan Korea).

"Kita percaya kebanyakan etika kerja dan kaedah pengurusan Timur masih lagi relevan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke 20 Dasar Pandang ke Timur di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, Timur

masih menawarkan sistem nilai terbaik yang akan membantu pertumbuhan dan pembangunan negara.

"Dengan menggunakan budaya Timur kita akan dapat mencaoai status negara maju," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, tidak ada salahnya dengan dedikasi, disiplin dan kerja keras yang diamalkan oleh Jepun dan Korea, mahupun kesetiaan pekerja-pekerja negara itu terhadap majikan.

"Malaysia bersungguh-sungguh untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 dan untuk mencapai matlamat itu, kita perlu mengubah budaya kerja.

"Kita tidak fikir budaya kerja barat bersesuaian dengan kita. Budaya yang menggalakkan konfrontasi antara majikan dan pekerja tidak perlu digalakkan," ujarnya.

Di Barat, peruntukan kerajaan kepada penganggur telah menyebabkan masalah pengangguran makin ketara apabila rakyat menjadi malas dan terlalu bergantung kepada kerajaan.

"Untuk itu dan atas sebab-sebab lain kita tidak fikir dapat menerima prinsip-prinsip barat dan budaya kerja mereka," katanya.

Menurut Perdana Menteri, hasil daripada Dasar Pandang ke Timur telah membuktikan strategi Malaysia adalah betul.

Di bawah dasar ini katanya, pekerja dan pegawai yang terlatih, produktif dan dedikasi telah dihasilkan.

"Dedikasi dan kesetiaan serta produktiviti yang ditunjukkan lebih daripada biasa.

"Mereka lebih mampu memenuhi disiplin yang dikehendaki di tempat kerja," katanya.

Tambah beliau, pekerja dan pegawai yang dihasilkan di bawah Dasar Pandang ke Timur juga tidak mudah terpengaruh dengan kegiatan politik dan anti sosial.

Menurutnya, mereka lebih tekun terhadap pengajian latihan dan kerja serta mencari kemahiran yang diperlukan.

"Malah mereka kurang memberi masalah kepada kerajaan dan negara. Mereka kurang bergantung kepada kerajaan dan jelas menjadi pekeja yang memuaskan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bagaimanapun kesal kerana tidak dapat menempatkan lebih banyak pelajar Malaysia di universiti dan Institusi Latihan di Jepun dan Korea.

Sehingga kini terdapat 2,000 pelajar Malaysia di Jepun dan 85 orang di Korea.